

25/08/2001

PM akan isytihar Jalur Gemilang terbesar hari ini

IPOH, Jumaat - Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali mengetuai perarakan sejauh lebih satu kilometer membawa Jalur Gemilang yang panjangnya 159 meter dan lebar 105 meter dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Ampang (SMKSA) ke Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) di sini, pagi ini.

Kira-kira 1,000 pelajar SMKSA bergotong-royong membawa bendera berkenaan yang beratnya kira-kira tiga tan metrik sambil diiringi 1,000 lagi pelajar sekolah itu kira-kira jam 8.30 pagi, sebelum ia dibentangkan.

Majlis itu turut dimeriahkan dengan laungan lagu 'Jalur Gemilang' dan 'Keranu Malaysia'. Hadir sama, pelajar dan kakitangan STAR.

Esok, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menandatangani sijil perisytiharan Malaysia Book of Records bagi mengiktiraf Jalur Gemilang yang dijahit pelajar (SMKSA) sebagai bendera terbesar di negara ini di padang STAR jam 8 pagi.

Perdana Menteri juga akan menyaksikan kerja mengukur bendera itu, seterusnya mengumumkan perisytiharan untuk dicatatkan dalam buku itu.

Selepas pengisytiharan, bendera itu akan dipamerkan kepada orang ramai di Padang Ipoh, di sini beberapa hari sebelum Hari Kemerdekaan.

Bendera berkenaan mengatasi rekod yang sebelum ini dicipta mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kelebihan saiznya sebanyak 30 peratus.

Pelajar, ibu bapa dan kakitangan SMKSA mengambil masa 19 hari untuk menjahit bendera berkenaan mulai 5 Ogos lalu menggunakan 40 mesin jahit. Projek menghasilkan bendera terbesar itu membabitkan perbelanjaan RM65,000 yang mana RM25,000 daripadanya disumbangkan kerajaan negeri, manakala bakinya oleh swasta.

Jalur Gemilang itu juga dijangka disenaraikan dalam Guinness Book of World Records, sekali gus mengatasi rekod bendera terbesar dunia bersaiz 154 meter panjang dan 77 meter lebar yang dihasilkan sebelum ini.

Bendera terbesar yang dijahit menggunakan kain sepanjang 16,000 meter itu kini dibentangkan di padang STAR.

(END)